

Jelaskan rahsia

BH 28 JUL 1986

manifesto

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta Pas supaya memberi penjelasan mengenai 'rahsia-rahsia' yang terkandung dalam manifesto parti itu kepada masyarakat bukan Islam, khususnya Majlis Perunding Cina (CCC) dan anggota barisan pembangkang tajaannya.

"Janganlah cakap samar-samar kerana perbuatan menipu itu berdos. Jika lepas di dunia, tetapi di akhirat tidak terlepas," katanya.

Oleh
**HAJI NASHRULADIN
— ABDUL RAHMAN —**

Menurut beliau, manifesto itu mengandungi banyak perkara yang hendak dilakukan oleh Pas jika ia memerintah, termasuk menubuhkan sebuah negara Islam dan menghapuskan Kanun Keseksaan.

Katanya, Pas banyak bercakap mengenai perkara itu kepada penyokongnya yang berketurunan Melayu di Pantai Timur, tetapi tidak menjelaskannya kepada masyarakat Cina di Pantai Barat, khususnya CCC dan parti-parti yang menganggotai barisan pembangkang tajaannya.

Bagaimanapun, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, daripada penjelasan pemimpin-pemimpin Pas selama ini, nampaknya mereka sendiri tidak faham apakah yang dimaksudkan sebagai negara Islam.

Berucap melancarkan projek pembangunan pasar baru Datuk Keramat di sini petang ini, be-

liau berkata, Pas juga, dalam manifestonya, berjanji akan memansuhkan Kanun Keseksaan, tetapi tidak menjelaskannya dengan lanjut.

"Apakah dengan memansuhkan kanun itu, Pas akan menjalankan hukuman *hudud*, yang berasaskan Islam, iaitu memotong tangan atau kaki mereka yang melakukan jenayah?" Tanya Perdana Menteri.

Lain

Katanya, Pas perlu menjelaskan perkara ini 'kerana ia bercakap lain kepada orang Cina dan lain pula kepada orang Melayu'.

Perdana Menteri berkata, Pas perlu menerangkan kepada bukan Islam, dalam melaksanakan hukuman *hudud* itu, siapakah yang akan menjadi hakim — orang Islam sahaja atau bukan Islam juga.

"Jika orang bukan Islam tidak boleh menjadi hakim, beritahu perkara itu kepada anggota CCC dan anggota barisan pem-

bangkang tajaannya," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Menurut beliau, Pas juga, dalam manifestonya, berjanji akan mengkaji semula undang-undang di negara ini.

"Pas perlu memberitahu siapakah yang hendak mengkaji undang-undang sekarang — orang Islam atau bukan Islam juga.

"Kalau bukan Islam menganggotai suruhanjaya diraja untuk mengkaji semula undang-undang itu, apakah Pas boleh memberi jaminan bahawa Islam akan terpelihara?"

Mengenai DAP, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ia adalah sebuah parti politik perkauman dan tidak memberi perhatian kepada 'orang lain'.

"DAP ini, silap sedikit bawa ke mahkamah. Soal pilihanraya pun dibawa ke mahkamah," katanya.

"Pada masa ini, ada 300,000 kes yang belum dibicarakan di mahkamah, termasuk kes dadah. Bagaimanakah kes-kes ini hendak diselesaikan jika DAP

asyik membawa kesnya ke mahkamah?" Tanya beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, parti pembangkang hanya mampu membuat janji kerana mereka tidak akan dapat menubuhkan kerajaan selepas pilihanraya umum ini. . .

"Ada parti pembangkang yang meletakkan calon di 10 atau 20 tempat sahaja.

"Pas pula meletakkan calon di 98 tempat dan mesti menang sekurang-kurangnya 90 kerusi. Tetapi adakah munasabah Pas boleh menang 90 kerusi kerana parti itu juga meletakkan calon di tempat-tempat yang tahu boleh kalah," katanya.